

Perjanjian Bilik Darjah Mengenai Penggunaan AI Generatif

Apakah perjanjian ini?

Perjanjian bilik darjah ini menetapkan jangkaan yang jelas kepada pelajar tentang cara penggunaan AI Generatif yang selamat dan bertanggungjawab di sekolah. Matlamatnya adalah untuk membantu para pendidik dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran yang positif dan mengingatkan pelajar tentang amalan yang bersesuaian untuk menggunakan aplikasi ini

Ia untuk siapa?

Perjanjian ini sesuai untuk pelajar berumur 13 tahun ke atas. Adalah disyorkan untuk memperkenalkan perkara ini kepada pelajar selepas melengkapkan Kit Alat Bilik Darjah : Meneroka AI Generatif Dengan Selamat dan Bertanggungjawab.

Bagaimana untuk menggunakan perjanjian ini?

Guru perlu mencetak perjanjian yang terdapat pada halaman kedua dokumen ini dan meminta pelajar menandatangani perjanjian ini untuk memperakui pemahaman mereka.

Pelajar boleh menggunakan aplikasi AI Generatif di sekolah mengikut panduan dan peraturan yang digariskan dalam perjanjian ini. Ia bertindak sebagai titik rujukan kepada pelajar untuk mereka fahami kewajipan dan standard kelakuan yang diharapkan dan membantu mereka membuat keputusan yang terbaik apabila menggunakan aplikasi ini.

PERJANJIAN BILIK DARJAH TENTANG Penggunaan AI Generatif

Untuk memastikan semua orang menggunakan aplikasi AI Generatif dengan selamat dan bertanggungjawab, adalah perlu untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang positif dengan mematuhi peraturan ini.

Saya, _____, bersetuju untuk:

(NAMA PELAJAR)

- 1. Menggunakan aplikasi AI Generatif dengan bertanggungjawab.** Saya faham bahawa aplikasi AI Generatif boleh menjadi sangat berguna, tetapi ia juga datang dengan risiko dan batasan. Saya bersetuju untuk menggunakan aplikasi ini dengan cara yang bertanggungjawab dan beretika, dan tahu akan ada akibatnya
- 2. Fahami batasan AI.** Saya menyedari aplikasi AI Generatif mempunyai had dan risiko, dan mungkin tidak akan selalu menghasilkan keputusan yang tepat.
- 3. Memastikan keselamatan.** Saya akan melindungi keselamatan dan privasi dalam talian dengan mengelak berkongsi maklumat peribadi melalui aplikasi AI, tidak mengklik atau memuat turun pautan yang mencurigakan, dan memastikan peranti saya sentiasa dikemas kini dan selamat.
- 4. Sentiasa menyemak fakta maklumat.** Saya akan menilai secara kritis dan mengesahkan output yang dihasilkan AI berdasarkan sumber yang dipercayai sebelum menerimanya sebagai sesuatu yang benar.
- 5. Utamakan kesejahteraan diri.** Saya menyedari bahawa aplikasi AI Generatif dan LLM bukan manusia, dan saya berjanji untuk tidak akan membentuk perhubungan / persahabatan dengan aplikasi ini. Saya akan menjaga kesejahteraan diri dengan mengambil kira tempoh penggunaan dan memastikan perhubungan interaksinyang sihat bersama rakan dan keluarga.
- 6. Berhati-hati terhadap perkara yang berat sebelah dan diskriminasi.** Saya sedar tentang kemungkinan perkara yang berat sebelah dalam output AI dan akan menilai respons secara kritis dan adil.
- 7. Elakkan plagiarisme.** Saya faham bahawa menggunakan aplikasi AI Generatif untuk kerja-kerja akademik atau projek kreatif tidak mewajarkan plagiarisme. Saya akan sentiasa telus dalam penggunaan aplikasi AI dan memberikan kredit kepada pencipta asal dan sumber maklumat dengan sewajarnya, memastikan kerja saya jujur, dan mengikut garis panduan etika.
- 8. Meminta bantuan.** Jika saya menghadapi sebarang cabaran atau kebimbangan, saya akan mendapatkan bantuan dan bimbingan daripada guru.
- 9. Laporkan penyalahgunaan.** Jika saya terjumpa sebarang tingkah laku yang tidak sesuai atau penyalahgunaan aplikasi AI, saya akan melaporkannya kepada guru atau pihak berkuasa sekolah.
- 10. Sentiasa ingin tahu.** Saya akan terus meneroka dan mempelajari tentang keupayaan dan batasan AI Generatif untuk menggunakannya secara efektif dan bertanggungjawab.

Dengan bersetuju terhadap peraturan ini, saya komited untuk menjadi pengguna aplikasi AI Generatif yang selamat dan bertanggungjawab

TANDATANGAN

TARIKH

